

Headline	Dua dipanggil rakam keterangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	22
ArticleSize	507 cm ²	Journalist	Suhaila Shahrul
PR Value	RM 50,364		



Susulan wartawan BH terima ugutan bunuh

Dua dipanggil rakam keterangan

Setakat ini belum ada sebarang tangkapan dibuat, siasatan masih giat dijalankan

Oleh Suhaila Shahrul Annur,
Faris Fuad dan Amran Yahya
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis memanggil dua individu termasuk seorang wanita untuk dirakam keterangan bagi membantu siasatan laporan polis dibuat seorang wartawan *BH* yang mendakwa diugut bunuh baru-baru ini.

Pemangku Ketua Polis Daerah Brickfields, Superintendent Arifai Tarawe, berkata setakat ini, tiada sebarang tangkapan dibuat dan siasatan kes masih giat dijalankan.

"Pegawai penyiasat sudah memanggil dua individu iaitu seorang lelaki dan seorang wanita untuk membantu siasatan.

"Setakat ini, belum ada sebarang tangkapan dilakukan," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmanir, polis mengesahkan sedang menyiasat laporan seorang wartawan *BH* mendakwa menerima ugutan bunuh menerusi e-mel.

Arifai dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan dari seorang wartawan berkenaan Isnin lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 507 Kanun Keseksaan ke-

rana membuat ugutan jenayah. Sementara itu, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Eddin Syazlee Shith, berkata kerementeriannya memandang serius kes ugutan itu dan mengambil berat perkara berkenaan kerana ia membabitkan kebijakan pengamal media dan keselamatan mereka.

"Kementerian menganggap perka itu (ugutan bunuh) suatu yang serius kerana membabitkan keselamatan dan kami yakin polis sedang melakukan siasatan secara terperinci mengenainya.

"Kami sentiasa memberikan kerjasama kepada polis terutama membantu mengesahkan pemilik e-mel itu supaya segera diselesaikan," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Rumah dan Majlis Kesyukuran projek Baiti Jannati Negeri Sembilan di Kampung Baru Temeris, di sini, semalam.

Eddin Syazlee berkata, pihaknya sudah mencadangkan penuhan Majlis Media Kebangsaan untuk menjaga kebijakan pengamal media, malah untuk masa depan yang lebih terjamin.

"Kami mahu amalan kebebasan media terlaksana di negara ini, namun dalam kebebasan itu, pengamal media mempunyai etika yang baik, tahu tanggungjawab dan sempadan diberikan.

"Kami juga memberi jaminan pengamal media tidak berasa terancam dalam melaksanakan tanggungjawab dan menggunakan kebebasan media sebaiknya," katanya.

Di Putrajaya, majikan perlu



Eddin Syazlee (tiga dari kiri) beramah mesra bersama penerima rumah, Tukirah Kalam sempena Projek Baiti Jannati Peringkat Negeri Sembilan 2019 oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kampung Baru Temeris, Kuala Pilah, semalam. (Foto Amran Yahya/BH)

**Kami sentiasa
beri kerjasama
kepada polis
terutama membantu
mengesahkan pemilik
e-mel itu.**

Eddin Syazlee Shith,
Timbalan Menteri Komunikasi
dan Multimedia

mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi menangani perkara berkaitan bahaya disebabkan pekerjaan.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Ir Omar Mat Piah, berkata ugutan seperti ugutan bunuh juga dikategorikan sebagai bahaya disebabkan pekerjaan.

"Mereka yang bekerja di kuarter bank juga terdedah kepada bahaya akibat pekerjaan seperti dirompak.

"Jadi, jika mengikut Jabatan

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), majikan perlu mempunyai prosedur atau langkah yang perlu diambil jika pekerja mereka menerima ugutan sedemikian atau bahaya lain yang disebabkan oleh pekerjaan," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyempurnaan Seminar Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bersama pengamal media di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar.